

# **BAB KELIMA**

## BAB KELIMA

### PENUTUP

#### 5.1 Kesimpulan

Bab ini merupakan bab yang terakhir di mana penulis membuat rangkuman kesimpulan hasil daripada kajian yang dianalisis dalam bab-bab yang terdahulu. Juga dimuatkan saranan-saranan dalam usaha membendung serta menghapuskan ajaran-ajaran yang menyeleweng daripada akidah Islam yang sebenar; sepetimana ajaran yang diasas dan disebarluaskan oleh Hassan bin Yaacob yang telah dibincangkan sebelum ini.

Ajaran-ajaran sesat telah dibawa dan dipelopori oleh golongan-golongan tertentu untuk mencapai tujuan dan matlamat keduniaan. Ia merupakan ‘punca’ utama berlakunya jenayah penyelawengan akidah di kalangan penganut Islam, telah berlaku dan tersebar di merata pelusuk negara ini, termasuklah di jajahan Tanah Merah, negeri Kelantan yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Ianya berkisar di sekitar perkara-perkara yang berhubung dengan mengkhianati rukun-rukun Islam dan iman, menghina dan mencabar kekuasaan Allah s. w. t., menyelewengkan al-Quran dan sunnah, mengubah ibadat-ibadat tertentu yang telah ditetapkan oleh syarak, menyelewengkan maklumat yang berhubung dengan perkara-perkara ghaib yang sudah diakui kebenarannya oleh Allah s. w. t. dan membuat dakwaan palsu terhadap urusan perkahwinan dalam Islam.

Secara keseluruhannya, apa yang diperolehi melalui kajian ini terhadap ajaran yang menyelewengkan akidah umat Islam yang dibawa oleh Hassan bin Yaacob, yang berpusat di kampung Bukit Mas, jajahan Tanah Merah Kelantan; telah mengancam kemurnian akidah masyarakat Islam, khususnya bagi mereka yang tinggal di jajahan tanah Merah.. Berdasarkan kajian di atas dapatlah dikeluarkan kesimpulan atau rumusan-rumusan seperti berikut:

Ajaran-ajaran menyeleweng adalah terbit daripada doktrin-doktrin yang terdapat dalam ajaran Syiah, terutama Syiah Ismailiah Batiniah yang kemudiannya ditiru oleh kumpulan kerohanian atau Tasawuf Teosofi yang juga mengutamakan aspek batin. Di sinilah bermulanya episod ‘Tasawuf Batiniah’.

Oleh kerana ajaran atau doktrin Syiah amat jelas dipengaruhi oleh doktrin-doktrin falsafah, terutama Falsafah Greek, dan *Gnosticism*, maka *world view* Syiah terutama Syiah Ismailiah dikuasai oleh doktrin-doktrin falsafah empat serangkai iaitu doktrin emanasi, gnosis, imam dan mursyid, serta batin dan takwil. Inilah doktrin yang menguasai kaedah mentafsirkan ayat al-Quran dan menggunakan hadis. Maka ayat-ayat al-Quran ditafsirkan supaya tunduk kepada doktrin empat serangkai itu, dan muncullah hadis-hadis palsu yang direka berdasarkan teori atau doktrin tersebut.

Aliran Tasawuf Teosofi yang bermula di abad ke-3H mendapat teori-teori Syiah di atas amat sesuai dengan orientasi teosofi mereka. Untuk mencapai matlamat makrifat dan *fana'*, maka kaedah *gnosis* dan takwil batin digunakan sepenuhnya. Selepas itu dengan munculnya Ibn Arabi di abad ke-7H / ke-14M,

maka tasawuf teosofi diperkuatkan melalui falsafah wujudiah yang dibawanya. Maka inilah corak tasawuf yang menguasai alam tasawuf sehingga kini. Dengan kedatangan Islam ke alam Melayu pada kira-kira abad ke-13 Masihi, maka aliran tasawuf teosofi batiniah terus berkembang ke rantau ini. Oleh itu berdasarkan penyelewengan-penyelewangan yang terdapat dalam ajaran ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ seperti mana yang dikemukakan di dalam bab ketiga dan keempat; adalah amat jelas bahawa ianya satu ajaran yang mewarisi Tasawuf Batiniah. Ini kerana ia menekankan kepada dua aspek iaitu:

- i- Konsep Imam dari Syiah Ismailiah Batiniah (yang menanam sifat taksub di kalangan pengikut ketuanya).
- ii- Unsur tasawuf wujudiah ala kebatinan.

Induk bagi semua unsur ajaran sesat di negara ini, tidak terkecuali juga negeri Kelantan ialah doktrin batin dan takwil, di mana semua doktrin-doktrin lain adalah terikat kepadanya termasuklah doktrin wujudiah. Imam, mursyid dan *gnosis*. Gabungan semua doktrin tersebut terdapat dalam tasawuf Batiniah.

## **5.2 Pandangan Dan Saranan**

Berikut disarankan beberapa langkah yang perlu diambil perhatian bagi mengatasi serta mengurangkan jenayah penyelewengan akidah yang sedang melanda umat Islam di negara ini, terutamanya di negeri Kelantan dari merebak dan memusnahkan masa depan umat Islam di negara ini. Antara langkah-langkah yang perlu diambil tindakan ialah:

- i. Untuk membentuk umat Islam yang kuat akidah dan berdisiplin tidak cukup dengan berdakwah sahaja. Penguatkuasaan undang-undang hendaklah dijalankan seiring dengan gerakan dakwah yang berhikmah. Untuk mencapai matlamat yang murni ini, Undang-undang Jenayah Syariah yang wujud di negei Kelantan hendaklah diperkemas serta diperketatkan lagi pelaksanaanya.
  
- ii. Pihak berkuasa hendaklah memberi perhatian yang berat terhadap kes penyelewengan akidah di negeri ini, kerana nampaknya sekarang ini ia telah sampai ke tahap yang sangat membimbangkan serta mencemaskan. Oleh itu, Mahkamah Syariah hendaklah diberi peruntukan undang-undang yang mencukupi bagi membolehkannya memutuskan kes-kes penyelewengan akidah yang membawa kepada murtad dari kalangan orang-orang Islam.

- iii. Kes penyelewengan akidah yang berpunca dari ajaran sesat perlu ditangani dengan bijaksana dan terbuka. Ia tidak perlu dianggap sebagai perkara rahsia dan diletak di bawah lebel sensitif, lebih-lebih lagi apabila pendedahannya atas sebab-sebab akademik.
- iv. Selain Mahkamah Syariah diberi peruntukan undang-undang yang mencukupi bagi membolehkannya memutuskan kes-kes murtad yang berpunca dari penyebaran ajaran-ajaran sesat dari kalangan orang-orang Islam, peranan institusi dakwah Islam di negera ini, khususnya institusi dakwah Islam yang wujud di negeri Kelantan
- v. perlu dinilai semula dari segi objektif, matlamat serta sasarannya untuk memastikan keberkesanannya dan kejayaan peranannya.
- vi. Memandangkan tugas dakwah adalah besar dan berat untuk menangani kes penyelewengan akidah (seperti mana yang dilakukan oleh penyebar ajaran Hassan Anak Rimau), sedangkan unsur-unsur murtad dan penyelewengan akidah tidak hanya bersifat tempatan, malah ada di antaranya yang bersifat internasional; kerana itu kerajaan pusat hendaklah menujuhan sebuah ‘Institut Kefahaman Akidah’ yang

berwibawa. Ia hendaklah dikendalikan oleh tenaga-tenaga profesional dalam bidang-bidang dakwah dan kaunseling, dengan dibantu oleh pakar undang-undang syariah dan sivil. Untuk membantu kegiatan dakwah dan memerangi gejala murtad dalam negara, Institut ini hendaklah sentiasa menjalankan kajian-kajian yang serius berhubung dengan isu-isu akidah dan dakwah di dalam negara dan juga di peringkat antarabangsa di samping mengadakan forum serta seminar-seminar, dengan itu dapat menghasilkan resolusi-resolusi atau keputusan-keputusan yang bermutu dan terkini; kemudian maklumat-maklumat dari resolusi-resolusi tersebut disalurkan kepada masyarakat secara meluas melalui media cetak dan elektronik.

- vii. Di peringkat negeri-negeri (terutamanya negeri Kelantan) perlu diwujudkan satu ‘Jabatan’ atau ‘Unit’ yang tersendiri dan berasingan dari jabatan atau unit-unit yang lain. Ia bertanggungjawab mengendalikan urusan penilaian akidah dan dakwah. Ia tidak dibebankan dengan tugas-tugas lain sepetimana yang berlaku di Unit Ukuwwah di negeri-negeri kini. Unit atau jabatan yang akan ditubuhkan ini bolehlah diberi nama ‘Jabatan’ atau ‘Unit Pemurniaan Akidah’ atau ‘Unit Pemurniaan Insan’. Ia sebuah unit yang berautoriti dan tersusun, yang bermatlamatkan mencari keredaan Allah s. w. t.. Unit Pemurniaan ini mempunyai

kakitangan yang mencukupi dan sesuai untuk melaksanakan tugas di dalam mahu pun di luar pejabat. Untuk melengkap dan mengemaskinikan kerja pemurniaan ini, tugas-tugas di Bahagian Penyelidikan hendaklah diletak di bawah kelolaan ‘Unit Pemurniaan Akidah’ tersebut. ‘Unit Pemurniaan Akidah’ ini hendaklah ditadbir oleh seorang Pegawai Tadbir yang berkelayakan sepermulaan Pegawai-pegawai Tadbir yang lain dengan disediakan kepadanya peluang-peluang kenaikan pangkat sepermulaan yang diberi kepada pegawai-pegawai tadbir yang lain juga. Unit ini hendaklah disediakan bajet yang mencukupi dengan tugasnya yang besar dan penting. Ia hendaklah diletakkan secara langsung di bawah pengawasan pentadbiran Pesuruhjaya atau Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama di setiap negeri.

viii. Kakitangan penting di bahagian Unit Pemurniaan Akidah ini hendaklah terdiri dari mereka yang sekurang-kurangnya memiliki syarat-syarat seperti berikut:

- a) Berpendidikan yang sesuai dengan tugas-tugas dakwah dan kaunseling.
- b) Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Pertama dalam bidang dakwah kepimpinan, sama ada dari

Jabatan Dakwah, Akademi Pengajian Islam,  
Universiti Malaya atau yang setaraf dengannya.

- c) Memiliki sifat yang ikhlas, jujur, amanah dan bertanggungjawab serta sanggup berkorban untuk agama Allah.
  - d) Tidak terlalu mementingkan pangkat dan kedudukan dalam menjalankan tugas.
  - e) Memiliki sifat adil<sup>1</sup> seperitimana yang dikhendaki di dalam syarat saksi syar'i.
- ix- Menyediakan ‘Pusat Pemulihan Akidah’ di setiap zon barat, timur, selatan dan utara Malaysia. Pusat-pusat pemulihan ini hendaklah disediakan dengan kurikulum yang sesuai dengan disiplin ilmu akidah serta mempunyai hubungkait dengan institusi-institusi pengajian menengah dan tinggi yang terdapat di dalam negara.
- x- Kurikulum perdidikan Islam hendaklah dikaji semula dengan menjadikan murtad dan ajaran sesat sebagai salah satu dari tajuk-tajuk utama di dalam disiplin ilmu akidah yang diajar di peringkat rendah, menengah dan tinggi di negara ini.

<sup>1</sup> Sifat adil pada syarat saksi syar'i ini ialah, Hendaklah dia seorang yang diketahui sebagai seorang yang adil, tidak diketahui pernah melakukan dosa-dosa besar dan tidak fasik.

- xi- Gerakan dakwah dan pemurniaan akidah hendaklah diperluaskan melalui berbagai institusi pendidikan di dalam negara. Gerakan pemurniaan dan pengukuhan akidah ini dilaksanakan secara bersepada melalui pendidikan di sekolah-sekolah rendah, menengah dan juga universiti, dengan menyediakan kurikulum-kurikulum yang sesuai dengan perkembangan semasa berhubung dengan persoalan akidah. Gerakan pemurniaan akidah ini diperluaskan lagi melalui mimbar-mimbar masjid-masjid dan surau-surau di seluruh negara.
- xii- Mana-mana buku agama yang ditulis di dalamnya sebutan ayat al-Quran dengan menggunakan tulisan rumi, hendaklah diharamkan kerana ia boleh mengubah sebutan dan makhraj sesuatu lafaz al-Quran. Mengubah ayat al-Quran adalah antara sebab yang boleh membatalkan akidah. Demikian juga buku-buku terjemahan al-Quran yang didakwa sebagai al-Quran yang sebenar hendaklah dihapus dan diharamkan; kerana ia boleh mengeliru dan memesongkan akidah orang-orang yang mempercayainya.
- xiii- Para ulama, pengarang, pengkaji dan juga para cendekiawan Islam hendaklah memainkan peranan secara pro-aktif dengan meningkatkan lagi usaha-usaha untuk menyemarakkan budaya ilmu di kalangan masyarakat, khususnya ilmu-ilmu yang

berkaitan dengan dasar-dasar Islam dan kemurnian konsep akidah.

- xiv- Masyarakat mestilah berhati-hati dan teliti dalam memilih syeikh-syeikh untuk membimbing mereka di dalam amalan kerohanian, kerana hanya syeikh yang mursyid yang mampu menolong mereka mencapai matlamat bertarekat. Tambahan pula pada masa sekarang ramai yang mengaku mereka sebagai syeikh tarekat sedangkan mereka tidak memiliki ilmu yang mendalam tentang ilmu-ilmu Islam khasnya ilmu kesufian.
- xv- Manakala bagi menghapuskan secara total Ajaran Hassan Anak Rimau; antara kumpulan ajaran-ajaran sesat yang wujud di negeri Kelantan, pihak kerajaan negeri hendaklah mewujudkan Badan Penyiasat sepenuh masa yang terlatih dan benar-benar diyakini dapat menjalankan tugas penyiasatan sebagaimana Cawangan Khas dalam pasukan polis, yang tidak terikat dengan prosedor pejabat, masa bertugas dan lain-lain. Di samping itu tindakan undang-undang yang lebih berat patut dikenakan ke atas penyebar serta pengikut ajaran tersebut.

### 5.3 Rumusan

Seseorang Islam boleh terkeluar daripada akidah Islam yang sebenar (menjadi murtad) dengan menganuti kepercayaan yang menyeleweng dari akidah Islam yang sebenar; seperti menganggap (meyakini) bahawa alam ini wujud

secara semula jadi tanpa *Khāliq* atau menganggap bahawa Allah s. w. t. bersifat baharu, atau beriktiad bahawa berlaku persepaduan (penyatuan) zat antara Khalik dengan makhluk, atau mempercayai bahawa al-Quran bukan datang dari Allah s. w. t., atau menganggap Rasulullah s. a. w. seorang pendusta. Perbuatan seperti ini merupakan suatu penghinaan terhadap Allah s. w. t. sebagai *Khāliq*. Maha Suci Allah dari segala sifat kekurangan.

Permasalahan akidah tidak sama dengan permasalahan syariah, di mana seseorang Muslim masih lagi dikira Islam selagi meyakini kebenaran ajarannya sekali pun tidak menunaikan tuntutannya. Sebaliknya seseorang itu dikira terkeluar dari Islam jika terpesong akidahnya. Segala amalan yang telah dilakukannya akan hilang dan sia-sia. Amalannya tidak diterima oleh Allah s. w. t. kerana kerosakan akidahnya dan dia tidak lagi dikira sebagai seorang Muslim. Iman ibarat cahaya yang sangat sensitif dan mudah terganggu hanya dengan gangguan debu-debu halus.

Dari banyak kajian yang telah dibuat, didapati lebih ramai yang terlibat dengan murtad melalui ajaran sesat, berbanding dengan murtad melalui pembatalan akidah secara ikrar. Murtad kerana ajaran sesat pula lebih kompleks dan kronik daripada murtad dengan cara ikrar sepertimana yang diketahui umum. Masyarakat Islam di negara ini, seperti juga di negeri Kelantan sentiasa terdedah kepada ajaran karut dan sesat, di mana sebahagian darinya masih tidak dapat membezakan antara ajaran Islam yang sebenar dengan ajaran sesat yang direkacipta oleh orang-orang tertentu.

Untuk mengelakkan diri daripada terpengaruh kepada satu-satu ajaran atau amalan yang salah dan sesat yang membawa kepada terkeluarnya seseorang Muslim dari akidah Islam yang sebenar, maka setiap orang mestilah betul-betul memahami, meyakini dan berpegang kepada perinsip-perinsip yang dijelaskan oleh Islam yang disokong oleh akal yang rasional. Selain itu langkah-langkah menyekat ajaran menyeleweng mesti dilakukan secara bersungguh-sungguh dengan apa cara sekalipun demi kesucian akidah Islam dan keselamatan masyarakat.

Hasil dari kajian ini, dapatlah diambil satu kesimpulan; bahawa antara sebab berlaku perpecahan umat Islam dari sejak dahulu lagi hingga masa sekarang ini, adalah berpunca dari unsur-unsur luaran yang bergerak secara terancang dan tersembunyi yang dimainkan oleh musuh-musuh Islam.

Antara ajaran sesat yang mendapat sambutan umat Islam di negara ini ialah ‘Tarekat Zikrullah Hassan Anak Rimau’ yang didakwa boleh menyebabkan orang-orang yang mengamal ajarannya menjadi kuat beribadat. Ia menjadi lebih menarik lagi di mata pengikutnya, apabila ada yang mendakwa bahawa ajaran salah tersebut adalah sebagai ajaran Islam dan pengamalnya akan menjadi lebih Islam dari orang Islam yang lain darinya.

Di Malaysia ini, khususnya di negeri Kelantan hanya kes murtad melalui iktikad secara ikrar sahaja yang diakui sebagai kes murtad disebabkan terbatalkan akidah Islamiah oleh kebanyakan masyarakat, manakala murtad melalui perbuatan dan ucapan tidak pernah diambil kira sebagai jenayah murtad.

Persoalan akidah bukan persoalan yang boleh diputuskan secara *ijtihādī*, tetapi ia adalah persoalan keyakinan yang mutlak kepada Allah s. w. t. Dia Yang Maha Agung dan tidak ada yang lain boleh mengatasi-Nya. Akidah atau beriman kepada Allah s. w. t. wajib dipraktikkan di dalam semua tindakan dan ianya berhubung rapat dengan kehidupan manusia. Tidak ada sesaat pun seseorang itu boleh terlepas daripada tuntutan iman kepada Allah s. w. t., ia digambarkan oleh Rasulullah s. a. w. melalui hadis Baginda yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ:

الإِيمَانُ بَضْعُ وَسْتُونَ شَبْعَةً، وَالْحَيَاةُ شَبْعَةٌ مِّنَ الْإِيمَانِ

Maksudnya: "Dari Abu Hurairah r. a., Nabi s. a. w. pernah bersabda: *Iman itu mempunyai enam puluh cabang lebih, dan sifat malu itu satu cabang dari iman*".<sup>2</sup>

Dalam satu riwayat dari Imam Muslim pula, selain dari sabda Rasulullah s. a. w. di atas, Baginda menambah lagi seperti berikut:

أَعْلَاهَا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، وَأَدْنَاهَا أَمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ الْطَّرِيقِ

Maksudnya: "Cabang iman (tingkat) yang paling tinggi ialah mengucap لا إله إلّا الله dan iman yang paling rendah ialah membuang sesuatu yang menganggu (menyakitkan) dari terbiar di tengah jalan".<sup>3</sup>

<sup>2</sup> al-Hafiz Syihab al-Din al-fadl al-Asqalani Ibn Hajar (1959), *Fath al-Bāri*, Juzuk 1, Matba'at Mustafa al-Halabi al-Babi al-Halabi Wa Awladuh, Kaherah, h. 57.

<sup>3</sup> *Ibid.*, h. 59.

Perpecahan umat Islam hingga membawa kepada kelemahannya, bukanlah disebabkan kerana beramal atau fanatik kepada ajaran Islam yang sebenar dan suci, tetapi ia berlaku adalah hasil dari serangan yang dirancang oleh musuh-musuh Islam yang berselindung di bawah nama Islam. Musuh-musuh Islam ini bergerak dengan membawa masuk ajaran-ajaran yang boleh merosak dan meruntuhkan akidah umat Islam. Mereka berbuat demikian kerana sesuatu kepentingan, dengki, benci dan marah terhadap agama Islam dan umatnya yang direndai Allah.

Untuk mencapai matlamat dan cita-cita serta niat buruk mereka ini, mereka bergerak dan berusaha menghancurkan agama Islam dari dalam baju Islam sendiri, setelah mereka tidak berjaya menentangnya dari luar dan secara terang-terangan.